



## LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk ROMPAKAN (Burglary)

**NOTA PENTING:** Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Rempakan (Burglary). Pastikan anda juga telah membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.

**1. Apakah perincian produk ini?**

Polisi asas rompakkan menyediakan anda dengan perlindungan terhadap kerugian yang disebabkan oleh paksa dan kekerasan pada premis di atas setiap barang yang diinsuranskan seperti saham yang diperdagangkan, kelengkapan perabot, tanaman mesin-mesin dan sebagainya.

**2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?**

- ❖ Kecurian
- ❖ Kerosakan yang disebabkan oleh pencuri
- ❖ Atau jika diakibatkan oleh paksaan atau kekerasan atau sebarang usaha yang menyebabkan kerosakan terhadap premis yang terpaksa ditanggung oleh penginsurans

Tempoh perlindungan ialah setahun dan anda perlu memperbaharui polisi secara tahunan.

**3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?**

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada keperluan penajajamin syarikat insurans yang anda pilih:-

Perlindungan standard :RM \_\_\_\_\_ premium untuk jumlah yang diinsuranskan RM \_\_\_\_\_

Perlindungan tambahan :RM \_\_\_\_\_

Jumlah bayaran premium yang dijangkakan adalah: RM \_\_\_\_\_

**4. Apakah jumlah yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?**

<u>Apakah yang perlu anda bayar selain premium</u>	<u>Jumlah</u>
Cukai perkhidmatan (jika ada)	5% daripada premium
Duti setem	RM10.00

<u>Perkara yang termasuk di dalam premium</u>	<u>Jumlah</u>
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium

**5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ketahui?**

- ❖ Kepentingan perakuan – Anda perlu memaklumkan kesemua fakta penting yang anda ketahui atau perlu ketahui; atau polisi anda mungkin menjadi tidak sah
- ❖ Polisi ini seharusnya diinsuranskan atas terhadap anggaran jumlah yang diinsuranskan terhadap nilai harta

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi ini*

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak akan membayar gantirugi kepada pihak yang diinsuranskan terhadap kerugian

- ❖ Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mogok atau rusuhan
- ❖ Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran
- ❖ Kerugian atau kerosakan pada kepingan kaca atau sebarang hiasan atau tulisan di atasnya
- ❖ Kerugian pada/atau kerosakan surat ikatan, bon, bil pertukaran pembayaran, wang kertas, cek, wang atau perlindungan untuk wang, wang syiling, pingat, setem, koleksi setem, barangan kemas, jam tangan, bulu binatang, logam yang berharga, batuan yang berharga atau artikel yang dikumpul, sebarang dokumen berkaitan harta, kontrak atau sebarang dokumen perniagaan, buku, manuskrip, arca, buku yang jarang dijumpai, pelan, paten, acuan, model atau rekaan keculi yang dinyatakan secara spesifik
- ❖ Kerugian atau kerosakan yang berlaku ketika premis ditinggalkan tanpa penghuni.
- ❖ Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul dari atau disebabkan oleh atau dikawal oleh material senjata nuklear
- ❖ Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh Peperangan, Perang Saudara atau sebarang tindakan Keganasan.
- ❖ Risiko Radioaktif dan Tenaga Nuklear

*Please Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.*

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Sebaik pembatalan, anda berhak menerima pulangan bayaran premium ditolak premium berdasarkan kadar tempoh pendek\* kami untuk tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang disimpan oleh kami. Tiada premium akan dikembalikan jika terdapat tuntutan dibuat di bawah polisi ini.

8. **Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai maklumat perhubungan saya?**  
Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. **Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**  
Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**AmG Insurance Berhad**  
Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,  
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

**Pusat Perkhidmatan Pelanggan**  
Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance  
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 1 300 80 3030 Faks: (603) 21713030  
E-Mel: [amassurance-general@ambankgroup.com](mailto:amassurance-general@ambankgroup.com)  
Laman web: <https://www.amassurance.com.my>

10. **Lain-lain jenis perlindungan yang disediakan**  
Sila rujuk cawangan dan ejen-ejen kami untuk maklumat mengenai jenis-jenis perlindungan seumpamanya yang disediakan

**NOTA PENTING:**  
**ANDA HARUS BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU BERHUBUNG TERUS DENGAN SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**